

OKT 2025 / BIL. 14 / 2025

# EON

*Epitome of Nature*

**MENJULANG INOVASI, MEMPERKASA EKONOMI**



# MENJULANG TRADISI, MENJANA TARIKAN BAHARU: GAWAI SOWAK NADI WARISAN BIDAYUH DI SARAWAK DELTA GEOPARK

Ranee Atlas

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTM Cawangan Negeri Sarawak,  
Kampus Samarahan 2, 94300 Kota Samarahan, Sarawak

[ranee@uitm.edu.my](mailto:ranee@uitm.edu.my)

EDITOR: DARVIEN GUNASEKARAN

Di sebalik hamparan alam hijau dan formasi geologi memukau di selatan Sarawak, tersingkap sebuah kisah agung tentang warisan, spiritualiti dan hubungan mendalam antara manusia dengan alam - kisah yang kini dipersembahkan kepada dunia menerusi keunikan Sarawak Delta Geopark.

Diiktiraf sebagai Geopark Kebangsaan ke-6 Malaysia pada 20 Jun 2022, Sarawak Delta Geopark merangkumi kawasan seluas 3,112 kilometer persegi, meliputi Daerah Kuching, Bau, Padawan dan Siburan. Geopark ini bukan sahaja menjadi pelindung kepada kekayaan geologi dan biodiversiti Borneo, malah turut memperkasakan warisan budaya komuniti setempat, khususnya masyarakat Bidayuh. Dengan 28 geotapak yang menceritakan kisah bumi melalui formasi batu kapur, delta sungai dan tebing pasir batu, geopark ini turut menonjolkan 12 biotapak yang

menjadi habitat kepada spesies unik seperti Orang Utan Borneo dan Cicak Batu Fairy. Tidak ketinggalan, 14 tapak budaya mengangkat nilai seni bina tradisional, makanan etnik, alat muzik dan amalan komuniti pelbagai kaum.

Gabungan warisan semula jadi dan budaya ini menjadikan Sarawak Delta Geopark bukan sekadar arkib hidup, tetapi juga platform pembangunan sosioekonomi melalui pelancongan lestari dan pendidikan komuniti.

## **Gawai Sowak: Warisan Rohani yang Masih Bernyawa**

Di tengah-tengah geopark ini, satu tradisi spiritual terus dipelihara dan dirayakan oleh masyarakat Bidayuh—Gawai Sowak. Disambut selepas musim menuai padi, Gawai Sowak merupakan ritual kesyukuran kepada “leng Topa” (Tuhan), sebagai penghormatan kepada roh nenek moyang serta

permohonan agar musim baharu membawa keamanan dan hasil yang lebih baik. Ia merupakan satu daripada beberapa bentuk “gawea” dalam budaya Bidayuh, termasuk Gawea Podi, Gawea Tubi dan Gawea Sopid—setiap satunya membawa makna rohani tersendiri. Sambutan Gawai Sowak lazimnya berlangsung di kampung-kampung Bidayuh seperti Kampung Opar, Kampung Gumbang, dan Kampung Krokong di Daerah Bau, serta penempatan tradisional di Padawan dan Siburan. Upacara ini melibatkan tarian ritual, persembahan makanan tradisional seperti nawak, doa oleh tetua kampung serta persembahan muzik warisan yang menghidupkan suasana kampung. Ia bukan sekadar perayaan, tetapi merupakan mekanisme sosial dan spiritual yang menyatukan generasi—lama dan baharu—dalam satu ikatan budaya yang harmoni. Tupai terbang adalah haiwan omnivor.

**Daripada Ritual ke Tarikan  
Pelancongan Mapan**

Seiring perkembangan pelancongan berasaskan komuniti (Community-Based Tourism, CBT), Gawai Sowak kini dilihat sebagai satu aset pelancongan yang bernilai tinggi. Namun, peralihan ini tidak bermakna mengorbankan kesucian upacara.

Pelaksanaan sambutan tetap berpaksikan garis panduan komuniti yang mengekalkan prinsip kesakralan—penglibatan pelawat dihadkan kepada penyertaan pemerhatian, dengan kod etika pemakaian, interaksi dan kelakuan yang jelas.

Model pelancongan ini bersifat inklusif. Ia membenarkan pelawat mengalami keunikan tradisi Bidayuh dalam bentuk yang autentik dan penuh makna, sambil memberi ruang



**Gambar 1:** Penari remaja Gawai Sowak  
(Sumber: Koleksi peribadi penulis)



**Gambar 2:** Lilin digunakan dalam ritual Gawai Sowak  
(Sumber: Koleksi peribadi penulis)

kepada masyarakat tempatan untuk menjana pendapatan melalui latihan jurupandu budaya, penyediaan perkhidmatan homestay, penghasilan kraf tangan, dan aktiviti bengkel budaya. Pelancong bukan sahaja menyaksikan tarian dan penceritaan legenda nenek moyang, malah mereka turut merasai sendiri suasana kampung yang penuh keramahan dan nilai komuniti.

**Pemeriksaan Ekonomi  
Menerusi Budaya**

Pertumbuhan sektor pelancongan di Sarawak memberi impak besar kepada komuniti luar bandar. Pada tahun 2024, negeri ini telah mencatatkan lebih 4.83 juta ketibaan pelancong, meningkat lebih 25% berbanding tahun sebelumnya. Pendapatan pelancongan mencecah

RM10.27 bilion, dan dijangka meningkat kepada RM12.73 bilion menjelang 2025, selari dengan aspirasi Strategi Pembangunan Pasca-Covid-19 (PCDS) 2030. Bagi masyarakat Bidayuh, angka ini membawa makna sebenar dalam bentuk peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan isi rumah, dan peluang keusahawanan baharu. Ini termasuklah penghasilan produk rotan, herba tradisional, dan replika alat ritual kini menjadi sumber pendapatan sampingan kepada golongan wanita dan warga emas.

Peluang ini mengurangkan kebergantungan terhadap sektor pertanian semata-mata, dan memperluas spektrum ekonomi desa melalui pendekatan kreatif berasaskan budaya. Selain itu, keterlibatan anak muda dalam pelbagai aktiviti pelancongan—sebagai jurupandu budaya, pencerita lisan, penggiat seni atau pengurus media sosial kampung—turut menyuntik semangat inovasi yang menyegarkan. Ia memperlihatkan bagaimana warisan nenek moyang menjadi sumber inspirasi kepada generasi muda dalam dunia yang semakin moden.

**RM10.27 bilion, dan  
dijangka meningkat  
kepada RM12.73  
bilion menjelang 2025**



**Gambar 3:** Para pelancong dan masyarakat setempat menikmati makanan tradisi  
(Sumber: Koleksi peribadi penulis)

### Kolaborasi Membangunkan

Kejayaan menjadikan Gawai Sowak sebagai tarikan pelancongan lestari bukan dicapai secara bersendirian. Ia merupakan hasil kolaborasi rapat antara komuniti kampung, NGO budaya, dan agensi pelancongan seperti Tourism Malaysia, Sarawak Tourism Board, dan rakan-rakan sektor swasta.

Menerusi pelancaran inisiatif seperti Pakej Pelancongan Sarawak Delta Geopark & Gawai 2024, sebanyak 37 pakej pelancongan telah dibina dengan penglibatan 13 operator pelancongan, yang kesemuanya menekankan pemeliharaan budaya dan pemerkasaan komuniti.

Model kolaboratif ini memperkukuhkan prinsip pemilikan bersama—di mana.

yang komuniti bukan sekadar objek pelancongan, tetapi pemilik naratif budaya mereka sendiri. Ini menjamin pengurusan sumber warisan yang lebih lestari, etika dan berasaskan nilai bersama.

### Menyemai Kesedaran Generasi Baharu

Salah satu kejayaan paling signifikan Gawai Sowak sebagai produk pelancongan ialah peranannya sebagai wahana pendidikan budaya kepada generasi muda. Dalam arus pemodenan dan digitalisasi, risiko terhapusnya tradisi amat tinggi. Namun menerusi penyertaan dalam aktiviti sambutan dan peranan sebagai pencerita budaya, anak-anak muda Bidayuh kini lebih celik terhadap sejarah asal-usul mereka. Ritual ini tidak hanya merapatkan jurang generasi, tetapi juga



**Gambar 4:** Upacara ritual (Sumber: Mordi Bimol, 2025)

menanam rasa bangga terhadap identiti etnik dan warisan nenek moyang. Secara tidak langsung, pelancongan telah menjadi pemacu kepada pemuliharaan budaya yang bersifat hidup dan progresif.

### Kesimpulan

Gawai Sowak kini berdiri megah sebagai gema roh

dari tanah Bidayuh—menghubungkan spiritualiti, ekonomi, pendidikan dan pelancongan dalam satu naratif pembangunan lestari.

Komuniti Bidayuh bukan sahaja mengekalkan warisan mereka dengan penuh hormat dan jati diri, malah telah menjadikan budaya sebagai kekuatan ekonomi

yang berdaya saing. Melalui pendekatan yang menyeluruh, beretika dan berteraskan komuniti, Sarawak Delta Geopark bersedia melakar sejarah sebagai Geopark Global UNESCO menjelang 2026—di mana tradisi bukan lagi sekadar kenangan, tetapi menjadi nadi kepada masa depan.